

Kontinjen Kawad UPSI Raih Naib Johan Peringkat Negeri Perak

Ipoh, 31 Ogos - Kontinjen kawad Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berjaya melakar kejayaan membanggakan apabila dinobatkan sebagai Naib Johan Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak 2025 kategori Institusi Pendidikan yang berlangsung di Ipoh, hari ini.

Pertandingan tahunan itu menyaksikan penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi, sekolah serta agensi kerajaan, sekali gus menjadikan saingan amat sengit. Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman berkata kejayaan itu membuktikan keupayaan warga universiti bukan sahaja dalam bidang pentadbiran dan akademik, malah turut menyerlah dalam aktiviti berpasukan yang menuntut disiplin tinggi.

"UPSI amat berbangga dengan pencapaian kontinjen kawad yang terdiri daripada 55 orang kakitangan universiti pelbagai jabatan dan pusat tanggungjawab kerana ia mencerminkan semangat setiakawan, komitmen dan disiplin tinggi warga universiti. "Kejayaan ini selaras dengan hasrat UPSI untuk melahirkan ekosistem kerja yang dinamik, berdaya saing dan seimbang. "Penyertaan kakitangan dalam aktiviti seperti ini turut membuktikan bahawa budaya kerja di UPSI bukan sahaja menekankan prestasi akademik dan pentadbiran, tetapi juga keseimbangan dari aspek jasmani, rohani dan sosial.

"Ia sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan daripada pelbagai jabatan dan pusat tanggungjawab. "Saya yakin pengalaman yang ditimba melalui penyertaan pertandingan ini dapat meningkatkan nilai kepimpinan, daya tahan serta semangat kerjasama dalam kalangan warga UPSI. "Inilah roh sebenar sebuah universiti pendidikan yang sentiasa menjunjung budaya cemerlang," tambah beliau. Beliau menegaskan bahawa pihak universiti

akan terus memberikan sokongan kakitangan yang aktif dalam kegiatan dan kebersamaan, kerana menyumbang kepada kesejahteraan organisasi serta meningkatkan UPSI di peringkat negeri kebangsaan. Sementara itu, Kontinjen UPSI, Norazizi Jaafar pencapaian sebagai naib johan itu hasil kesungguhan semua anggota yang menjalani latihan intensif sejak sebulan lalu.

"Kami berlatih secara konsisten waktu bekerja, demi memastikan setiap pergerakan kawad mencapai tahap terbaik. Walaupun berdepan cabaran komitmen rakan-rakan kakitangan tidak pernah luntur," katanya. Norazizi berkata kejayaan itu menjadi pemangkin semangat kontinjen untuk meningkatkan prestasi dan berazam meraih gelaran juara pada edisi akan datang.

Kejayaan tersebut menyaksikan UPSI berjaya membawa pulang wang sebanyak RM 4,000.00 berserta sijil penyertaan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Perkukuh Peranan sebagai Hab Latihan Melalui Bengkel PINTAR

Tapah Malim, 28 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab latihan terkemuka negara apabila menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Inovatif Pengajaran Sejarah Terarah Teknologi (PINTAR) di Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti (PLPK) HRD Corp, Perak. Penganjuran bengkel ini diuruskan oleh Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia UPSI dengan kerjasama Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti (PLPK) HRD Corp Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batang Padang.

Seramai 26 guru Sejarah dari 15 buah sekolah menengah menyertai bengkel tersebut yang bertujuan memberi pendedahan mengenai penggunaan teknologi Realiti Maya (VR), Kecerdasan Buatan (AI), aplikasi interaktif dan gamifikasi dalam usaha mentransformasi kaedah pengajaran Sejarah di sekolah. Bengkel dikendalikan oleh Dr. Shakila Che Dahalan, Pensyarah

UPSI Hidupkan Semangat Patriotik Melalui Perarakan Pakaian Tradisional

Tanjong Malim, 27 Ogos - Perhimpunan Bulanan Ogos 2025: Semarak Merdeka anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini diserikan dengan perarakan pakaian tradisional melibatkan 19 kontinjen daripada pelbagai fakulti, jabatan dan pusat tanggungjawab universiti berkenaan. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid Salimin berkata, perarakan itu bukan sekadar peragaan fesyen tetapi lambang kepada kepelbagaian, kebudayaan dan perpaduan masyarakat Malaysia.

“Setiap pakaian tradisional yang dipersembahkan membawa cerita dan warisan tersendiri. Ia mencerminkan wajah sebenar Malaysia yang kaya dengan pelbagai etnik, budaya dan bahasa, dan

Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, yang berpengalaman luas dalam integrasi teknologi imersif dalam pendidikan Sejarah. Pada sesi pagi, peserta didedahkan dengan teori serta etika penggunaan aplikasi digital dalam PdP sebelum menjalani latihan praktikal menggunakan set kepala VR dan peralatan berkaitan.

Dalam ucapan penutup, Susieleen Suki, Ketua PLPK HRD Corp Perak, menekankan bahawa penguasaan teknologi pengajaran amat penting bagi memastikan generasi muda dapat menghargai warisan bangsa seiring tuntutan Revolusi Industri 4.0. Penganjuran bengkel ini bukan sahaja membuktikan keupayaan UPSI dalam memperkasa warga pendidik, malah menyerlahkan peranan universiti ini sebagai pusat pembangunan kepakaran pelbagai disiplin serta hab latihan unggul negara, selari dengan komitmennya menghubungkan akademik, teknologi dan komuniti.

inilah juga wajah sebenar UPSI.” Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis tersebut yang diadakan di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI, di sini.

Dalam pertandingan kontinjen terbaik, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) dinobatkan sebagai juara, manakala tempat kedua dimenangi oleh Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) dan tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Pendaftar. Menurut Prof. Dr. Norkhalid, penglibatan pelbagai pihak dalam menjayakan perarakan itu membuktikan nilai kerjasama dan semangat gotong-royong yang menjadi teras kepada sambutan kemerdekaan.



Seni Lukisan Jadi Terapi Jiwa di UPSI

Hanya dengan pensel dan kertas, emosi yang terpendam dapat diluahkan dengan tenang. Itulah pengalaman dikongsi 20 peserta program “Drawing with Feelings: Terapi Diri Melalui Seni Lukisan” anjuran RISE@UPSI bersama Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bertempat di Kompleks RMIC, Proton City, bengkel ini dikendalikan Pensyarah Kanan FSKIK, Dr. Elis Syuhaila Mokhtar yang membimbing peserta meneroka seni sebagai medium terapi sendiri. Aktiviti melukis bukan sahaja menyeronokkan malah membantu melepaskan tekanan serta menenangkan emosi.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Dr. Izzal Khairi Ramli, Timbalan Dekan (Jaringan Industri & Penajaan) FSKIK. Beliau menegaskan seni mampu menghubungkan kreativiti dengan kesejahteraan masyarakat. Sepanjang sesi, peserta dari

pelbagai peringkat usia tampil bersemangat. Seorang remaja berkongsi, “Bila melukis ikut hati, rasa lega... macam beban terangkat,” manakala peserta dewasa menganggapnya peluang untuk berehat daripada rutin yang sibuk. Program ini turut menerima sokongan padu barisan kepimpinan UPSI. Antara yang hadir menyatakan komitmen ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar, Pengarah RMIC, Prof. Dr. Rosmilah Misnan, Timbalan Pengarah RMIC, Prof. Dr. Ahmad Jazimin Jusoh, serta Dekan FSKIK, Prof. Dr. Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom.

Menurut Prof. Dr. Rosmilah Misnan, seni boleh dijadikan pendekatan inovatif dalam pendidikan. Prof. Dr. Ahmad Jazimin Jusoh pula menekankan penganjuran sebegini menyatukan universiti dengan komuniti manakala Prof. Dr. Mohd Fauzi Sedon

@ M. Dom yakin seni merupakan wadah penting dalam pembangunan holistik masyarakat. Koordinator program, Dr. Noor Hidayah Che Lah, bersama urusetia diketuai Pn. Suhaila Sulaiman serta warga RMIC, memainkan peranan penting memastikan kelancaran acara yang akhirnya memberi pengalaman bermakna kepada semua peserta. Secara keseluruhan, “Drawing with Feelings” membuktikan bahawa lukisan bukan sekadar hobi tetapi terapi yang menyembuhkan jiwa. UPSI sekali lagi menegaskan peranannya sebagai universiti pendidikan yang prihatin terhadap kesejahteraan mental dan emosi masyarakat.

Akhirnya, program ini membuktikan bahawa setiap garisan dan warna yang lahir daripada hati mampu menjadi penawar. Bagi peserta, pengalaman melukis bersama pakar memberi makna tersendiri – seni bukan sekadar cantik pada mata tetapi juga ubat pada jiwa.

